

# USIM terbit 240 judul buku

**Nilai:** Sekumpulan penulis Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya memperoleh royalti buku berjumlah RM89,683.52, hasil jualan buku ilmiah terbitan Penerbit USIM pada tahun 2013 dan 2014.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata kutipan royalti tertinggi itu membuktikan kemampuan USIM menerbitkan buku ilmiah berkualiti dalam pelbagai bidang, sekaligus berjaya menarik perhatian pembaca.

Katanya, pengagihan royalti dalam bentuk wang tunai itu sebagai tanda penghargaan universiti terhadap penulis dan diharap mampu menaikkan semangat mereka untuk terus menghasilkan penerbitan bermutu pada masa akan datang.

"Bagi saya, keunikan penulis USIM ialah kemampuan menulis dalam tiga bahasa utama iaitu bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Malah, kita pernah menerbitkan buku dalam bahasa Luganda dan bahasa Jepun.

## Ilmu kalam

"Penerbitan buku ialah satu dari-



Sebahagian penerima royalti dan insentif bergambar selepas Majlis Kalam Bitara 2015, baru-baru ini.

pada kaedah memasyarakatkan ilmu kepada dunia luar supaya ilmu kalam itu tidak tercerna dalam diri sendiri. Keilmuan dan masyarakat Islam tidak pernah terpisah," katanya ketika menyampaikan ucapan pada

Majlis Kalam Bitara 2015 di sini, baru-baru ini.

Seramai 200 penulis membabitkan 240 judul buku diraikan dalam majlis pengagihan royalti anjuran Bahagian Penerbitan USIM itu.

Pada majlis berkenaan, pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Prof Madya Dr Sapora Sipon menerima Anugerah Royalti Tertinggi dan Anugerah Buku Terlaris (Bahasa Melayu) bagi buku bertajuk

*Teori Kaunseling dan Psikoterapi*, manakala Dr Muhammad Rodhwan Ab Aziz menerima Anugerah Buku Terlaris (Bahasa Inggeris) manakala Dr Azman Ab Rahman, Anugerah Penulis Aktif.

Yang turut diadakan penyampaian insentif berjumlah RM69,400 kepada 87 ahli akademik yang menghasilkan penulisan jurnal berindeks seperti SCQJUS, ISI dan ERA untuk terbitan tahun 2014.